



1 Mac 2013  
1 March 2013  
P.U. (A) 74

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) 2013

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)  
(FEDERAL ROADS) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) 2013

BAHAWASANYA melalui *P.U. (B) 53/2013* yang disiarkan pada 15 Februari 2013, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) dan (2) Akta itu, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan**

**(Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) 2013.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 Mac 2013.

**Larangan**

2. Pemanduan kenderaan di atas sebahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

## JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Jalan arah yang dinyatakan</i>	<i>Tempoh larangan</i>
1. Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (jalan hubungan ke Putrajaya dan Cyberjaya) dari Plaza Tol Putrajaya ke arah Cyberjaya dan Putrajaya dari kilometer P1.85 sehingga kilometer P3.0 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Plaza Tol Putrajaya ke Cyberjaya dan Putrajaya hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	2 Mac 2013 sehingga 31 Disember 2013 ( <i>tertakluk kepada tarikh siap sebenarnya kerja-kerja membaik pulih</i> )
2. Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (jalan hubungan ke Putrajaya dan Cyberjaya) dari Cyberjaya dan Putrajaya ke arah Plaza Tol Putrajaya dari kilometer P3.0 sehingga kilometer P1.85 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Cyberjaya dan Putrajaya ke Plaza Tol Putrajaya hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	2 Mac 2013 sehingga 31 Disember 2013 ( <i>tertakluk kepada tarikh siap sebenarnya kerja-kerja membaik pulih</i> )